

# Satu Kajian Mengenai Konsep Wufu dan Zhongguo dalam Hubungan Luar China

## *A Study of Wufu dan Zhongguo Concepts in China's Foreign Relation*

**Ku Boon Dar**

History Division, Centre for Distance Education, Iniversiti Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia. Email: kubd@usm.my

### **Abstrak**

*Dasar luar hubungan politik, ekonomi dan kebudayaan China sebelum Perang Candu Pertama (1839-1842) adalah berteras kepada sistem tributari. Namun sistem tributari tersebut tidak boleh ditangani dan difahami berdasarkan prinsip kesamarataan dan kedaulatan sepertimana pemahaman konsep hubungan luar pihak Barat berasaskan prinsip-prinsip Westphalian kecuali dalam konteks mengiktiraf China sebagai negeri pertuanan (overlordship). Sistem tributari yang diamalkan itu menekankan nilai-nilai fahaman Konfucius (551 SM-479 SM) seperti amanah, kesetiaan dan saling hormat-menghormati dalam menjalinkan hubungannya dengan negeri-negeri di sekelilingnya. Hal ini sedemikian kerana sistem ini terbit lantaran China beranggapan bahawa mereka adalah Zhongguo (pusat dunia). China berpendapat bahawa mereka bukan sahaja merupakan pusat segalanya bercambah tetapi juga mempunyai kebudayaan dan peradaban tinggi di alam semesta lantaran kedudukan pusat pemerintahan dengan lima ikatan (wufu) yang mengelilinginya. Kajian ini menganalisis konsep wufu (lima ikatan), pengertian Zhongguo dan hubungan topografi China yang mempengaruhi konsepsi China terhadap dunia luar bahawa China adalah dunia dan dunia adalah China. Kajian terhadap konsep wufu dan zhongguo ini penting lantaran pengertian dan pandangan China terhadapnya telah membawa kepada kewujudan sistem tributari China sebagai mekanisme hubungan luar mereka dengan negeri-negeri yang lain.*

**Katakunci:** *Wufu, Zhongguo, Topografi China, Sistem Tributari, Hubungan Luar China*

### **Abstract**

*Prior to the Opium War (1839-1842), China's foreign policy on politics, economy and culture was characterized by the tributary system. However, the system cannot be addressed and understood using the principle of sovereign equality and understanding based on the Western concept of Westphalia principles, except in the context of other states which recognized the suzerainty of China (overlordship). This is because underlying the tributary system that established diplomatic relations with surrounding states was the emphasis on Confucian (551 BC-479 BC) principles, such as trust,*

*loyalty and mutual respect. Besides, the system was also based on the concepts of Zhongguo and Wufu. The fact that China believed she was Zhongguo (center of the world), meant that she was not only the centre of everything that emerged but also was superior to other cultures and civilizations tied with Wufu (five ties), which is the distance between China and the other states that indicated the degree of China's influence on these civilizations. This study analyzes the concept of Wufu and Zhongguo as well as the topographical correlation that influenced the conception of China as the world and the world as China. By looking closer into the concepts of Wufu and Zhongguo, this study will be significant because China's perceptions and views have steered China's tributary system as a mechanism of Sino-foreign relations with other surrounding states.*

**Keyword:** *Wufu, Zhongguo, Tributary System, China's topography, China's Foreign Relation*

## **Pendahuluan**


Semenjak zaman azali lagi, terpahat sudah di sanubari masyarakat China bahawa China itu adalah “semua di bawah langit” atau lebih dikenali sebagai *tianxia* yang mengasosiasikan China itu adalah dunia dan dunia itu adalah China. Pandangan *tianxia* tercatat dalam buku klasik *Yu Gong* (Tribute Yu), iaitu penulisan tradisional yang dikaitkan dengan Da Yu (2205 SM - 2105 SM), dewa legenda tersohor masyarakat China kerana kejayaannya mengawal masalah banjir di Sungai Huanghe. Daripada tanggapan ini, lahirnya konsep *wufu* (lima ikatan). *Wufu* merujuk kepada pembahagian *tianxia* (merujuk kepada dunia China) kepada wilayah-wilayahnya berdasarkan tahap dan pengaruh ketamadunan sesuatu wilayah itu yang terpancar dari Sungai Huanghe. Lantaran itu, China dikenali sebagai *Zhongguo* (pusat dunia) kerana Sungai Huanghe merupakan pusat ketamadunan wilayah-wilayah jajaran tersebut bermula. Sementara itu, pusat ketamadunan di Sungai Huanghe yang juga merupakan pusat pentadbiran sesuatu dinasti menebar ke bahagian-bahagian lain luar daripada bumi China. Hal ini sedemikian kerana peralihan dinasti dan perubahan dalam lingkungan kawasan antara China dengan wilayah-wilayah lain. Dalam pada itu, perubahan-perubahan ini juga mempengaruhi penggunaan maksud kedua-dua konsep tersebut. Oleh itu, China percaya bahawa *wufu* merupakan kayu pengukur terhadap tahap ketamadunan bangsa China berbanding dengan masyarakat yang dianggap kasar di luar daripada lingkungan China. Justeru, Maharaja China dianggap sebagai *tianzi* (anak syurga), dan masyarakat di luar lingkungannya didakwa sebagai bangsa kasar yang perlu dimurnikan ketamadunan dan peradaban mereka oleh *Zhongguo*.

## **Pengeritan Zhongguo**

China yang disebut sebagai *Zhongguo* sekiranya diterjemah secara harfiah dalam bahasa Cina bermaksud Negeri Tengah. Namun dalam Kitab klasik *San Zijing* (Three Character Classic) menyebutnya bahawa “*wozhonghua, zaidongbei*” yang bermaksud China sebenarnya terletak di bahagian timur laut peta dunia. Negara ini adalah ketiga terbesar di dunia selepas Rusia dan Kanada, meliputi kawasan seluas 9,596,960 km persegi. Secara geografinya, China seolah-olah terletak di tengah-tengah dunia kerana

lokasinya yang bersempadan dengan 14 buah negara yang lain sepertimana ditunjukkan dalam Peta 1. Sempadannya merentangi ke timur sehingga ke kuala Heilong Jiang dan Sungai Wusuli (garisan lintang  $135^{\circ} 05' E$ ) dan ke barat sehingga ke Dataran Pamirs (garisan bujur  $73^{\circ} 40' E$ ) yang berjarak sejauh 5,000 km. Sempadan utara bermula di tengah-tengah Sungai Heilong Jiang berdekatan dengan Sungai Mohe dan sempadan selatannya meluas sehingga ke Terumbu Zengmu di Kepulauan Nansha merentangi 5,500 km (Baojun, 1998)

**Peta 1** Topografi Negara China



Manakala garisan pinggir lautnya yang berukuran 14,001 km dibatasi laut-laut Bohai, Huanghe, China Timur dan China Selatan. Pesisiran laut China bertemu dengan Laut China Timur, Teluk Korea, Laut Kuning, dan Laut China Selatan. Negara ini juga mempunyai lebih daripada 5,400 buah pulau yang bertaburan di kawasan timur dan selatan lautnya; Taiwan ( $36,000 \text{ km}^2$ ) yang terbesar diikuti dengan Hainan ( $34,000 \text{ km}^2$ ) dan Chongming. Manakala bandar-bandar utamanya terdiri daripada Beijing, Shanghai, Tianjin, Wuhan, Shenyang, Guangzhou. Sementara itu, bahasa rasmi dan pengantarnya ialah Bahasa Putonghua atau juga dikenali sebagai Mandarin, *Chinese* atau *Guoyu* (bahasa kebangsaan).

## Topografi dan Hubungannya terhadap Ketamadunan China

Sehingga pertengahan kedua abad ke-19, China secara umumnya dibahagikan kepada beberapa bahagian, pertamanya ialah China Benar (China Proper) yang mengandungi 18 buah wilayah (provinces). Antara wilayah-wilayah tersebut termasuklah Anhui (Anhui), Fujian (Fukien), Henan (Honan), Hebei (Zhili), Jiangxi (Kiangsi), Guangdong (Kwangtung), Guangxi (Kwangsi), Yunnan, Sichuan (Szechwan) dan sebagainya. Keduanya ialah Manchuria (Inner Manchuria atau Chinese Manchuria) yang juga dikenali sebagai Daerah-Daerah Timur China. Bahagian ketiga pula merupakan wilayah jajahan takluk seperti Taiwan (menjadi wilayah pada tahun 1885), Xizang (Tibet), Nei Menggu (Inner Mongolia) dan Xinjiang dan akhirnya negeri-negeri naungan, antara lain meliputi Annam (Vietnam), Choson (Korea), Jepun dan Kepulauan Ryukyu (Liuqiu atau kini dikenali Okinawa). Namun, perlu ditegaskan bahawa pembahagian wilayah-wilayah di China adalah berbeza mengikut perubahan sesuatu dinasti yang memerintah di China (Hsu, 2000).


Setiap wilayah ini diketuai oleh seorang *xunfu* (governor) yang bertanggungjawab kepada *zongdu* (Governors General). Terdapat sembilan *zongdu* antara lain seperti di Liangguang (wilayah Guangxi dan Guangdong) dan Liangjiang (wilayah Jiangxi, Jiangsu dan Anhui). Sementara itu, setiap pentadbiran wilayah tersebut dibahagikan kepada *dao* (circuits) dengan diketuai oleh seorang *daorai* (Circuit Intendants) yang bertanggungjawab terhadap penyeliaan kerja-kerja empangan dan parit, cukai bijirin, pengangkutan, penjualan garam dan sebagainya. Manakala untuk kawasan penguasaan (territorial administration) China pula, kawasan pentadbiran dikenali sebagai *fu* (prefectures) yang diketuai oleh seorang *zhifu* (prefect).

China mempunyai pelbagai landskap seperti dataran, padang pasir, padang rumput, lautan, sungai-sungai panjang dan hutan-hutan. Daratan China merangkumi gunung-gunung sebanyak 33% daripada liputan tanahnya, penara dan padang pasir. Xizang, penara tertinggi di dunia yang melebihi 4,000 meter dari aras laut digelar Bumbung Dunia. Gunung Everest di banjaran Himalaya yang dipanggil sebagai *Jumulangma Feng* oleh orang China terletak di sempadan China-Nepal. Manakala ke arah utara pula, rupa buminya menurun di antara 1,000 meter dan 2,000 meter dari aras laut untuk sampai ke padang rumput Nei Menggu yang terkenal dengan penternakan lembu dan juga ke Padang Pasir Gobi. Di bahagian barat laut, Padang Pasir Taklamakan merupakan padang pasir terluas di China yang pernah direntasi oleh para saudagar Laluan Sutera (Silk Road) (Christian, 2000). Berbatasan pergunungan Tian (Tian Shan) ialah Lekukan Tarim (Tarim Basin) yang dikenali sebagai Wadi Api—tempat paling panas di China dengan suhunya mencapai 48°C.

Berdasar kepada topografi dan geografi China dengan di bahagian timurnya menghadap ke lautan, di bahagian barat-laut dirintangi oleh gurun yang luas dan di barat daya iaitu Dataran Tinggi Qinghai-Xizang (Tibetan Plateau) yang terluas di dunia (dengan ketinggian 4,000 hingga 5,000 meter secara purata) telah membentuk satu zon yang separuh tertutup dari dunia luar. Pengaliran sungai pula kebanyakannya menghala ke kawasan timur mahupun selatan. Sementara itu, musim panas yang jauh lebih panjang berbanding dengan keadaan di utara telah menggalakkan pergerakan penduduk, terutamanya para petani untuk menetap di bahagian selatan China. Seiring

dengan pola pergerakan penduduknya, perkembangan kebudayaan China juga turut menghala ke arah kawasan selatan (Curtis, 2000). Oleh itu, Watson (1961) berpendapat bahawa sebahagian besar sejarah China, sama ada dari segi politik, ekonomi mahupun budayanya adalah menitis dari aktiviti penerokaan tanah mereka ke arah selatan.

**Peta 2** Topografi dan Ketamadunan China




Sementara itu, bentuk muka bumi wilayah-wilayah selatan China berubah secara dramatik dengan adanya cenuram yang luar biasa bentuknya seperti gaung dan air terjun. Menghala ke pinggir laut, ketinggian tanah menurun di sekitar 457 meter dari aras laut. Kawasan ini yang menjadi tumpuan pertanian dan penempatan penduduk merupakan dataran penting bagi China. Sungai-sungai utama di China memainkan peranan membentuk garisan pinggir laut kerana sungai-sungai itu membawa kelodak ke laut. Sungai Huanghe contohnya telah membentuk sejarah ketamadunan China (Sigfried, 1996). Huanghe yang bermaksud sungai kuning kerana sambil ia mengalir menerusi Penara Loes di bahagian tengah, ia mengangkut banyak kelodak iaitu lanar berwarna kuning yang halus. Lanar kuning yang dimendapkan oleh angin itu telah menjadi tanah loes yang subur, lembap serta mudah untuk dikerjakan terutamanya dalam bidang pertanian. Puratanya, setiap tiga tahun, satu billion tan kelodak yang dibawa oleh Sungai Huanghe menambahkan ketebalan tanah sehingga mencecah sebanyak 19 km di sekitar pinggir laut. Pengairannya sejauh 5,464 km bermula daripada salji cair di pergunungan Qinghai-Xizang melalui wilayah-wilayah Qinghai, Sichuan, Gansu (Kangsu), Ningxia (Ninghsia), Nei Menggu, Shanxi (Shansi), Shaanxi (Shensi), Henan, Shangdong dan berakhir di Laut Bohai. Keadaan bentuk muka bumi di Sungai

Huanghe telah mendorong dan menggalakkan pembangunan penempatan manusia dan kegiatan pertanian. Lantaran itu, Huanghe juga dikenali sebagai Buaiian Bangsa China (*yaolan*) kerana di sepanjang tebing yang subur inilah kelompok penduduknya mula bercucuk tanam, kemudian mendirikan perkampungan, bandar dan empayar sehingga terasasnya ketamadunan China (Chiao, 1973).Maka bertapak dari ketamadunan ini, China melihat mereka adalah dunia dan dunia itu adalah China (A Rahman, 1985). Mengikut aturan ini, negeri-negeri asing yang jaraknya lebih dekat dengan China hubungan mereka menjadi lebih erat.

### **Konsep *Wufu* (Lima Ikatan) dan Konsepsi China Terhadap Negeri Asing**

Lantaran itu mereka percaya bahawa dunia China adalah seolah-olah sekeping catur yang menyerupai perkataan “[回]” (*hui*) sepertimana ditunjukkan dalam Rajah Lima Ikatan Maharaja Yao. China percaya bahawa titik tengah *hui*, tempat Maharaja China bersemayan (*wangji*) yang juga merupakan ibu negeri (*jingshi*), adalah pusat kegemilangan tamadun dan budaya China tersebar. Apabila pancaran tamadun dan budaya China kian jauh menebar, menandakan kian rendahnya tamadun negara mahupun bangsa yang mendiami kawasan tersebut. Konsep yang dikenali sebagai *wufu* (lima ikatan) ini menggariskan bahawa terdapat lima ikatan mengeliling antara satu sama lain (Jiang, 1990). Lima ikatan kekuasaan tersebut meliputi kawasan maharaja (*dianfu*) meliputi daerah yang luasnya 500 *li* (75 km) daripada tempat maharaja bersemayan (*wangji*). Kemudian ikatan tersebut dikembangkan meliputi kawasan bangsawan (*houfu*). Seterusnya diikuti dengan kawasan kekuasaan untuk menguatkuasakan keamanan (*sui fu*), kawasan kekuasaan penyekatan (*yaofu*) dan yang terakhirnya ialah kawasan kekuasaan kasar (*huangfu*) dengan jaraknya 2,500 *li* daripada *wangji*. Pada tanggapan China yang berdasar kepada *Zhouli* (Rites of the Zhou), *Qiu Quan* (Ministry of Justice) dalam *Daxing Ren* (Senior Messenger) bahawa, *Huangfu* didiami oleh suku kaum yang belum mempunyai kebudayaan dan ketamadunan (Zhouli, n.d.). Konsep *Wufu* terasas sejak era dinasti Shang (1766 SM-1722 SM) dan lebih ketara lagi semasa era dinasti Zhou Barat (1027 SM-771 SM) apabila bermulanya pengurniaan wilayah-wilayah kepada ketua-ketua feudal yang telah berjasa sehingga terbentuknya kerajaan-kerajaan kecil di sekeliling China(*Hanshu*, n.d.). Lihat Rajah 1.

**Rajah 1** Ikatan Maharaja Yao

Sumber: Diubahsuai daripada Matsumoto (1791).

Bagi kawasan *yaofu* dan *houfu* contohnya, dinasti Zhou Barat menetapkan bahawa mereka perlu *yaofu zhegong*, *huangfu zhewang* yang bermaksud kawasan *yaofu* (kekuasaan penyekatan) dikehendaki mempersembahkan uftinya kepada Maharaja Zhou Barat secara berkala. Manakala pemerintah-pemerintah di kawasan *houfu* pula dikehendaki sentiasa mengakui kedaulatan dinasti Zhou Barat yang dianggap merupakan *tianzi* iaitu anak Tuhan atau dalam bahasa Cinanya dikenali sebagai *wangzhe*, *futian mude*, *wei tianzi ye*. Di samping itu, kawasan *yaofu* dan *houfu* juga perlu menjalani istiadat mengadap Maharaja Zhou Barat pada masa-masa yang ditetapkan. Sekiranya mereka ingkar mematuhi arahan tersebut seperti dengan tidak mempersembahkan ufti atau tidak menjalani istiadat mengadap Maharaja Zhou Barat. Maka suku kaum atau negara tersebut akan melalui *xiuming* (proses pemulihan dari segi nama) dan proses pemurnian *xiude* (proses pemurnian dari segi tatasusila) oleh China. Kemudiannya sekiranya arahan tersebut masih gagal dipatuhi lagi, maka hukuman yang lebih berat sama ada memerangi negara tersebut menggunakan ketenteraan atau kekerasan akan dilaksanakan oleh Maharaja Zhou Barat ke atas suku kaum asing yang ingkar tersebut (Jiang, 1990)

China begitu taasub mengkonsepsikan bahawa budaya dan tamadun mereka lebih superior daripada yang lain kerana mereka telah mewarisi ketamadunan yang tinggi sejak zaman Neolitik (3000 SM-1500 SM) yang meliputi tamadun-tamadun Yangshao (5000 SM-2700 SM), Longshan (3500 SM-2000 SM), Majiyao (3300 SM-2050 SM) dan Hongshan (4000 SM-3000 SM) (Debaine-Francfort, 1999). Hal ini terbukti apabila

China merupakan satu-satunya negara dalam dunia yang telah mempunyai sistem tulisan untuk tempoh lebih daripada 3000 tahun (Feng, 1990). Zaman pemerintahan dinasti Tang (618-907) contohnya merupakan era keagungan dan kemakmuran dari aspek pertumbuhan ekonomi dan perkembangan struktur politik yang mantap. Oleh ini, dinasti Tang berjaya meneroka ke dunia luar yang lebih jauh seolah-olah membentuk satu lingkaran kebudayaan dan ketamadunan China yang bersendikan falsafah dan fahaman Konfucius. Semasa pemerintahan dinasti Ming (1368-1644) dan dinasti Qing (1644-1911) di China, lingkaran tersebut telah tersebar luas sehingga ke Korea, Jepun, Vietnam dan sebagainya. Di negara-negara tersebut, aspek-aspek politik, ekonomi, budaya, sistem pendidikan sehingga kepada adat-resam telah meresapi dalam kehidupan rakyat negara-negara tersebut (Feng, 1990).

Tegasnya, pandangan China terhadap orang asing sama ada dalam, sempadan mahupun jauh dari negeri China adalah pertamanya berdasarkan kepada tanggapan bahawa pencapaian kebudayaan dan peradaban China itu lebih agung dan lebih mulia daripada yang lain. Ini kerana China berpendapat bahawa mereka telah mengamalkan nilai-nilai falsafah dan fahaman Konfucius (Confucianism) yang antara lain menekankan kepentingan mencapai keharmonian dalam masyarakat melalui hubungan moral yang mulia (Hucker, 1964; Hui-Chen, 1964).

Selain itu, faktor topografi dan geografi dengan banjaran gunung-ganang, kawasan kering-kontang dan limphan lautan serta jarak yang terbentang luas dari satu kawasan ke kawasan yang lain di China juga mempengaruhi tanggapan China terhadap superioriti negara mereka (Fairbank, Reischauer & Craig (1973). Ini ditambah pula apabila merujuk kepada kawasan di bahagian tengah antara Sungai Huanghe dan Changjiang (Yangzte) merupakan kawasan yang telah berkembang pesat sebagai pusat ketamadunan China semenjak 4,000 SM lagi (Wright, 1964). Oleh itu, fenomena alam semulajadi ini menyebabkan China beranggapan bahawa dalam dunia yang luas ini, semuanya milik negeri China dan rakyat di bawah dunia ini juga milik kepada maharaja dan pembesar-pembesar negeri China seperti mana dalam catatan *Shijing* (The Book of Odes), bahagian *Xiao Ya* (Little Elegance), ayat *Bei Shan* (Northern Country) menyatakan bahawa *putian zhi xia, mofei wangtu, shuai shi zhibian, mofei wangchen* (Shijing, n.d.). Ini ditambah pula dengan kawasan-kawasan sekeliling China didiami oleh empat suku kaum asing (*Babarian of the four quarters*) yang terdiri daripada suku-suku etnik *Xiyi* di barat, suku-suku etnik *Beidi* di utara, suku-suku etnik *Nanman* di selatan serta suku-suku etnik *Donghu* di timur yang mengelilingi negeri China dianggap belum lagi mencapai tamadun dan budaya seperti China<sup>1</sup>. Hal ini sedemikian kerana empat suku kaum asing ini masih mengamalkan cara primitif dalam kehidupan seharian mereka seperti memakan makanan mentah yang tidak dimasak, membaluti tubuh badan dengan kulit binatang, tinggal di gua dan jahil dalam bidang bercucuk tanam. Lantaran itu, China terus mengkonsepsikan bahawa mereka merupakan satu-satunya bangsa yang beradab di muka bumi ini dan bahawa negeri China itu pusat

---

<sup>1</sup> Empat suku kaum orang asing (siyi zhibang) yang mengeliling China masih mengamalkan cara primitif seperti memakan makanan secara mentah, membaluti tubuh badan dengan kulit binatang, tinggal di gua dan jahil dalam sektor bercucuk tanam. Sila lihat Sila lihat Liji (Book of Rites), Tang Gong Shang (Sandal Wood Weapon) [《礼记》·檀弓上。] dan Jutangshu (Old History of Tang Dynasty), Lie Zhuan (Groups of Biographies), Vol. 147-149. [《旧唐书》。列传。卷一百四十七-一百四十九。]



peradaban (Hilton, 1967). Natiujahnya, China berpendapat bahawa suku kaum asing ini perlu tunduk kepada kekuasaan dan patuh kepada arahan China kerana pancaran kegemilangan dan keagungan peradaban manusia hanya terbit dari *Zhongguo*. Empat suku kaum asing tersebut boleh mendapat manfaatnya seperti kata Konfucius (551 SM-479 SM) bahawa *yidi jinyu zhongguo, ze zhongguo zhi* yang bermaksud apabila kumpulan suku kaum asing masuk ke China, mereka akan diasimilasi kepada tamadun dan budaya China dan akhirnya mereka akan menjadi *Zhongguo* (China) (Cheng, 1964).

### **Pengertian dan Penggunaan nama *Zhongguo***

Dalam pada itu, perkataan *Zhongguo* telahpun wujud sejak era pemerintahan Raja Zhou Wuwang (1122 SM-1115 SM) lagi. Ketika itu perkataan *Zhongguo* merujuk kepada Changzhou (Luoyang di wilayah Henan), ibukota dan persemayaman diraja dinasti Zhou Barat yang dirujuk sebagai kawasan di bawah kekuasaan maharaja (*dianfu*) (*Hanshu*, n.d.). Di samping itu, dalam catatan kitab *Shijing* (The Book of Odes) bahawa, “*huici zhongguo, yisui sifang* serta *huici jingshi, yisui siguo*” yang bermaksud bahawa segala aktiviti hendaklah ditumpukan kepada *Zhongguo* [China] kerana *Zhongguo* akan mencelikkan hati semua dan segala aktiviti tersebut hendaklah berkiblatkan kepada adat di *Jingshi* [ibukota] kerana ia akan mendamaikan hati nurani semua [suku kaum asing]. Oleh itu, dalam perkembangan sejarah awal China, istilah nama *Zhongguo* lebih merujuk kepada pusat dunia dan ibukota pemerintahan sesuatu dinasti dan dalam kes ini merujuk kepada dinasti Zhou Barat.

Namun pengertian *Zhongguo* mengalami perubahan dan mempunyai pengertian yang berbeza sejajar dengan perkembangan dan perubahan dalam politik semasa di China. Menurut kajian Wang Ermin, beliau merumuskan bahawa *Zhongguo* mempunyai sepuluh pengertian yang berlainan dalam tradisi persejarahan China (Wang, E., 1982). Antara lain, *Zhongguo* menurutnya juga merujuk kepada *lingyu* yakni wilayah-wilayah yang dianugerahkan oleh Maharaja China di zaman pemerintahan dinasti Shang (1766 SM-1722 SM) kepada ketua-ketua feodal yang berjasa. Sementara itu, semasa era pemerintahan dinasti Zhou, *Zhongguo* lebih merujuk kepada suku kaum *huaxia* iaitu kumpulan manusia hasil campuran di antara orang Cina dengan suku kaum asing dari Luo, iaitu pusat penempatan dinasti Xia. Penempatan tersebut dipercayai merupakan penempatan awal terpancarnya ketamadunan dan peradaban orang Cina. Pada asalnya, penempatan tersebut dikenali sebagai Penempatan Xia kerana kawasan tersebut hanya diduduki oleh suku Han. Dalam konteks ini, suku kaum *xia* atau *huaxia* adalah merujuk kepada orang Cina di China<sup>2</sup>.

Tetapi menjelang Zaman Musim Bunga dan Musim Luruh (770 SM-476 SM) dalam dinasti Zhou Timur (770 SM-256 SM), hierarki ketua-ketua feodal yang berkuasa di wilayah-wilayah kurniaan Maharaja Zhou Timur telah mengalami perubahan apabila sebilangan daripada mereka berjaya meloloskan diri daripada cengkaman Maharaja di ibu kota sehingga mereka dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dari segi

<sup>2</sup> Perkataan Linyu 《领域》 telah dinyatakan sebanyak 149 kali dalam buku-buku klasik Cina yang dikaji oleh Wang Ermin. Sila lihat Wang Ermin, “Zhon Guo Ming Cheng Su Yuan Ji Qi Jin Dai Quan Shi”, hlm. 457.

kuasa politik dengan Maharaja Zhou Timur. Oleh yang demikian, pengertian *Zhongguo* kini berkembang yang asalnya hanya merujuk kepada wilayah-wilayah penguasaan Maharaja Zhou Timur kepada pengertian kerajaan-kerajaan kecil di sekelilingnya seperti Kerajaan Jin, Kerajaan Zheng, Kerajaan Song, Kerajaan Lu, Kerajaan Wei dan sebagainya. Zaman Musim Bunga dan Musim Luruh (Chunqiu) bermula pada 770 SM apabila pemerintahan dinasti Zhou melarikan diri ke bahagian barat mendirikan kerajaan baru dan memindahkan ibukota mereka dari Zongzhou ke Chengzhou (Luoyi dan kini dikenali Luoyang) di Huanghe. Pertumbuhan kerajaan-kerajaan ini menyebabkan berlakunya percampuran dan interaksi di antara pelbagai suku etnik dari wilayah-wilayah di China. Lantaran itu, *Zhongguo* kini lebih merujuk kepada pengertian wilayah-wilayah penempatan yang didiami oleh suku kaum asing yang berpayung di bawah kekuasaan Maharaja Zhou Timur dan bukan setakat wilayah-wilayah penempatan suku kaum asing di Sungai Huanghe sahaja. Natiujahnya, *Zhongguo* telah dikenali dengan panggilan-panggilan lain seperti *Zhonghua*, *Zhongxia*, *Zhongyuan*, *Zhongdu* dan *Zhongtu* yang semuanya membawa maksud yang sama (Tang, 1993).

Selain itu, menurut Wang Ermin, *Zhongguo* juga merujuk kepada kerajaan-kerajaan Enam Negeri (220 SM-280 SM) di zaman Zaman Perang (475 SM-221 SM). Manakala di Zaman Tiga Kerajaan (220-280), *Zhongguo* merujuk kepada Kerajaan Wei (220-265 Weigu). *Guandong Liu Guong* (Guandong Enam Negeri) terdiri daripada kerajaan Qi di kawasan pantai timur-laut termasuk Semenanjung Shandong, Kerajaan Chu kuasa di selatan, Kerajaan Yan di timur laut dan tiga buah kerajaan di tengah iaitu Kerajaan Han, Kerajaan Zhao dan Kerajaan Wei yang dahulunya bersatu sebagai sebuah kerajaan Tsing yang besar tetapi telah berpecah kerana perang saudara berlaku. Ini memberi peluang kepada Kerajaan Qin mengalahkan mereka lalu dan menyatunya di bawah Dinasti Qin dengan menggunakan satu bahasa dan tulisan yang seragam<sup>3</sup>.

Sesungguhnya, *Zhongguo* seperti yang dihuraikan di atas pada asasnya adalah lebih menjuruskan kepada kedudukan lokasi wilayah penempatan sesuatu suku kaum berdasarkan aspek kebudayaan tinggi yang diamalkan dalam tempoh sesuatu kewangsaan tersebut. Pengertian *Zhongguo* pada pengertian mereka tidak berkait langsung apatah lagi bertautan dengan makna sebuah entiti negara seperti yang kita kenali hari ini (Xin, 1991). Hakikatnya, pengertian *Zhongguo* ketika itu seperti yang ditegaskan oleh Feng Youlan (1895-1900) lebih merujuk kepada makna kebudayaan tinggi berbanding dengan penekanan terhadap bangsa dan jauh sekali daripada pengertian negara keseluruhannya (Mancall, 1984).

Apabila China memasuki zaman dinasti Qin (221 SM-207 SM), pengertian *Zhongguo* yang bercirikan geografi dan topografi mulai terbentuk hasil usaha daripada Maharaja Qin Shi Huangdi (259 SM-210 SM). Beliau berjaya menyatukan wilayah-wilayah Enam Negeri dalam satu kesatuan dengan terbentuknya dinasti Qin. Justeru, konsep *Zhongguo* sebagai sebuah entiti negara pusat (*Middle Kingdom* or *Central Nation*) mulai wujud dalam catatan sejarah China. Ini kerana, *Zhongguo* kini membolehkan seseorang penduduk daripada wilayah lain berkomunikasi dengan penduduk daripada wilayah yang lain menggunakan bahasa dan tulisan yang seragam.

<sup>3</sup> Sila lihat Shiji (Records of the Grand Historian of China), Vol. 27: Tian Guan Shu Di Wu (Book of Official Day), No. 5. [《史記》。卷二十七：天官书第五。]

Natijahnya, ini memberikan mereka satu perasaan kesamaan dan perkongisan identiti sosial dan budaya walaupun mereka mempunyai kesedaran bahawa mereka berbeza dari aspek budaya dan entiti pada asalnya. Perasaan identiti ini adalah hasil daripada satu proses pembudayaan yang mengintegrasikan masyarakat berbilang etnik yang menetap di kawasan tersebut. Melalui proses interaksi antara budaya ini, interaksi pada peringkat tamadun antara China dengan dunia lain mula terbentuk. Namun, perlu ditegaskan bahawa sistem hubungan luar tradisional China berlandaskan ruang lingkup hanya mengiktiraf China sebagai negeri pertuanan (overlordship) (Mancall, 1984). Oleh itu, perubahan ini telah membawa kepada penyebaran nama *Zhongguo* kepada dunia luar khususnya pengetahuan pihak Barat. Sebutan perkataan Chi'n (Qin) dalam bahasa Cina adalah dengan penekanan bunyi sukukata yang lebih keras (vehement). Tetapi bagi saudagar-saudagar India yang maklum tentang dinasti Qin menerusi para pedagang Vietnam dan Siam, mereka telah menyebut Chi'n sebagai "Chin" dengan bunyi yang lebih lembut. Selepas itu, para saudagar Portugis yang telah menjalinkan hubungan perdagangan dengan China pula menamakannya dinasti Qin sebagai "China" kerana dalam nahu bahasa mereka tiada perkataan yang berakhir dengan huruf "n". Justeru, mereka telah menokok huruf "a" menjadikan sebutan "Chin" sebagai "China" (Fraser, 1900).

Walau bagaimanapun Fraser pula berpendapat bahawa perkataan China ini asalnya dari perkataan Hindu, *Zi Na* yang bermaksud bertimbangrasa dan kreatif. Tetapi lama-kelamaan perkataan *Zi Na* ini mengalami evolusi dan sebutannya berubah menjadi "China" (Fraser, 1900). Sementara itu, salah sebuah kitab agama Buddha iaitu *Foshuo Huanding Jing* pula mencatatkan bahawa nama China asalnya terbit daripada perkataan "Cinisthana (*Zhendan*)". Oleh yang demikian, jelas bahawa pengertian *Zhongguo* semasa era dinasti Qin masih merujuk kepada suku kaum dan wilayah-wilayah di sekelilingnya. Natijahnya suku kaum asing seperti Xiongnu, Dongyue dan Minyue (di Fujian), wilayah-wilayah di kawasan barat China (*xiyu zhuguo*) masih tidak dikategorikan sebagai *Zhongguo* kerana mereka tidak mengamalkan cara hidup dan kebudayaan orang Cina.

Sementara itu, jika diamati sejarah China sebelum abad ke-20, tiada satupun dinastinya yang menggunakan nama *Zhongguo* merujuk kepada China sebagai entiti kekuasaan mereka. Sebaliknya nama *guohao* (nama dinasti) digunakan apabila dinasti tersebut berjaya memerintah China (Wright, 1958). Lantaran itu, Ling Qichao berpendapat bahawa apabila *guohao* digunakan, maka secara langsungnya nama *Zhongguo* akan diabaikan. Gejala ini ternyata ada asasnya apabila mengambil melihat kepada kekacauan dan kebobrokan sosial yang berlaku dalam kerajaan-kerajaan di dinasti Utara-Selatan (420-588) dan kerajaan-kerajaan di zaman Lima dinasti (907-960). Kerajaan-kerajaan kecil tersebut tidak mengenali istilah *Zhongguo* apatah lagi merujuk *Zhongguo* sebagai nama kerajaan mereka. Oleh itu, dalam tinta sejarah China, hanya nama-nama seperti *Xiaguo* (Negara Xia semasa dinasti Xia), *Tangguo* (Negara Tang semasa dinasti Tang), *Hanguo* (Negara Han semasa Dinasti Han) dan *Da Ming* (Kerajaan Ming Yang Agung semasa dinasti Ming) yang dicatatkan apabila merujuk kepada negeri China. Begitu juga semasa pemerintahan dinasti Qing, nama negara dikenali sebagai *Daqing Diguo* (Kerajaan Qing yang Agung). Sesungguhnya, fenomena ini agak unik dalam sejarah China yang telah berusia lebih daripada 5,000

tahun. Ini kerana sekiranya kita mengambilkira zaman pemerintahan dari dinasti Xia sehingga ke dinasti Qing (1644-1911), China telah mempunyai sembilan dinasti, 38 nama kerajaan dan 559 orang rajanya. Sebaliknya tiada satupun yang menggunakan nama *Zhongguo* untuk keseragaman apabila merujuk kepada sebuah negara yang sama. Begitu juga dengan apa yang kita kenali dalam sejarah moden China seperti peperangan China-Jepun. Dalam catatan rasmi China, peperangan tersebut dikenali sebagai *Qing-Ri Zhanzheng* (Perang Qing-Jepun 1894-1895) dan juga dikenali sebagai *Jiawu Zhangzheng* (Jiawu War) kerana tercetus semasa kitaran tahun ke-34 mengikut perkiraan kalendar qamari Cina. Sementara itu, perkataan “Qing” tersebut merujuk kepada dinasti Qing (Manchu) di China.

Perubahan ini jelas menunjukkan bahawa *Zhongguo* dalam meniti persejarahan China telah mengalami perubahan bukan sahaja dari segi asal-usul penggunaan namanya, tetapi mengalami perubahan dari segi kebudayaan dan ketamadunan. Fenomena ini dapat diperhatikan semenjak dari kekacauan dan peperangan yang meletus di Zaman *Sanguo* (Tiga Negara 220-280), zaman penusukan kuasa Barat sehingga ke keruntuhan dinasti Qing pada tahun 1911. Pada pendapat masyarakat Cina, kejatuhan dinasti Qing hanyalah keruntuhan sesebuah dinasti, tetapi bukan *Zhongguo* dalam erti kata yang sebenarnya. Begitu juga semasa di zaman-zaman kegemilangan dinasti Han (206 SM-221), dinasti Tang, dinasti Ming mahupun di awal pemerintahan dinasti Qing. Bagi mereka, kegemilangan tersebut merupakan detik kecemerlangan sesuatu dinasti walaupun ada cubaan seperti menggelarkan diri masing-masing sebagai *Tangren* (orang Tang dari dinasti Tang), *Hanren* (orang Han dari dinasti Han). Namun, hakikatnya orang Cina masih mengekalkan gelaran sebagai *Huaren* kerana bangsa yang dikenali sebagai orang Cina ini tidak syak lagi adalah campuran daripada berbagai-bagai keturunan dari Asia Tengah dan Asia Barat Laut (Vinacke, 1971). Hakikatnya, kegemilangan sesuatu era pemerintahan dinasti tersebut menyebabkan munculnya perluasan penggunaan terma dan istilah yang berkaitan dengan dinasti mereka. Contohnya apabila dinasti Han memerintah, orang Cina menamakan diri mereka sebagai *Hanren* kerana kumpulan etnik Han mencecah 55 peratus daripada keseluruhan etnik di China. Di samping itu, kegemilangan dinasti Han juga dikaitkan dengan penggunaan istilah *Hanyu* (bahasa Cina) dan *Hanxuejia* (Sinologist). Sementara itu, semasa pemerintahan dinasti Tang pula, wujud pula pemakaian istilah-istilah seperti *Tangshan* (Negara China), *Tangzhuang* (pakaian Cina) selain daripada *Tangren* (orang Cina) seperti mana yang dinyatakan.

Penggunaan nama *Zhongguo* yang merujuk kepada sebuah entiti negara hanya dikesan dalam dokumen Perjanjian Nertsjinsk (Nierchul) yang ditandatangani antara China dengan Rusia pada 8 September 1689 untuk menyelesaikan pertikaian sempadan kedua-dua negara tersebut. Seterusnya pada tahun 29 Ogos 1842 apabila Perjanjian Nanjing (Nanking) 1842 ditandatangani dengan British, perkataan *Zhongguo* juga muncul dalam perjanjian tersebut. Namun pada pendapat Wang Tieya, bahawa adalah malangnya penggunaan *Zhongguo* tersebut wujud pada saat-saat China diperlekehkan dan disiat-siat oleh kuasa-kuasa asing dengan termaktubnya perjanjian-perjanjian yang mempunyai terma-terma yang tidak adil di pihak China<sup>4</sup>(Wang, 1957). Pada 11 Oktober

<sup>4</sup> Perjanjian-perjanjian yang Tidak Adil (Bupingdeng de Tiaoyue) merujuk kepada terma dan syarat yang ditandatangani oleh China dengan kuasa Barat. Ini termasuklah dasar buka pintu China kepada

1911, apabila gerakan Revolusi China yang diketuai oleh Sun Zhongshan (Dr. Sun Yat Sen (1866-1925)) berjaya menyingkirkan sistem pemerintahan monarki dinasti Qing, perkataan *Zhongguo* dilaungkan hasil singkatan *Zhonghua Mingguo* (Republik of China) yang merujuk kepada China dengan ciri-ciri topografi dan sempadan negeri yang jelas. Kemudiannya apabila Yuan Shikai (1859-1916) berkuasa di China dan mengisytiharkan diri sebagai maharaja di China (12 Disember 1915 – 22 Mac 1916), beliau telah menukar nama negeri China dari *Zhonghua Mingguo* kepada *Zhonghua Digu* (China Empire).

Evolusi pemakaian nama *Zhongguo* terus mengalami perubahan apabila pada tahun 1 Oktober 1949, Mao Zedong (1893–1976) berjaya menyingkirkan Parti Guomintang (Parti Kuomintang China). Beliau telah mengisytiharkan China sebagai *Zhonghua Renmin Gongheguo* (People's Republic of China). Dalam ucapannya di Medan Tiananmen, beliau telah menyeru kepada rakyat China bahawa “Wahai bangsaku orang Cina (*Zhongguo Ren*), bangunlah...” (*Renmin Ribao*, 1949; Tian, 2002)

Sesungguhnya, tanggapan China bahawa budaya dan tamadun mereka lebih afdal dan tinggi daripada yang lain menyebabkan China beranggapan bahawa ketamadunan manusia (*civilized mankind*) yang telah bersemai di China sewajarnya hanya mempunyai satu pentadbiran politik iaitu *Zhongguo*. Justeru, negeri-negeri lain tidak dihalang daripada menggelarkan negeri mereka sebagai *Zhongguo* yakni negeri-negeri *Under Heaven* atau *The Middle Kingdom* (Latourette, 1945). Ini kerana China berpendapat bahawa negeri-negeri asing di sekitarnya perlu menjadi negeri naungan China supaya peradaban dan tamadun agung China dapat disebar dan seterusnya diterima oleh negeri-negeri asing tersebut. Dengan kata lain, negeri-negeri asing yang tidak bertamadun (*shangfan*) boleh menjadi bangsa yang bertamadun (*shufan*) (Yang, 1974) dan seterusnya negeri-negeri yang menginginkan tamadun (*yearning for civilization*) dan peradaban dapat memperolehnya dari China (Murphy, 2001). China percaya bahawa mereka merupakan pusat ketamadunan manusia, wajar menjadi contoh dan teladan yang soleh dan kudus untuk diikuti oleh negara-negara lain. Lantaran itu, bertolak dari detik inilah, wujudnya dasar hubungan luar awal China dengan negeri-negeri lain iaitu berpaksikan kepada sistem tributari.

## Kesimpulan

Sesungguhnya, konsep *wufu* bukan sahaja berkaitan dengan hubungan antara Maharaja Zhou dengan ketua-ketua feodal yang mengelilinginya tetapi yang lebih penting konsep ini yang membawa kepada terasasnya sistem tributari merupakan satu konsep yang berpancar dari lingkaran dalam ke lingkaran luar. China percaya bahawa semakin jauh sebaran dari titik tengah (*wanji*) menandakan semakin rendah pencapaian ketamadunan sesuatu suku kaum tersebut. Namun, suku kaum dalam lingkaran luar juga dipancarkan sebagai sebahagian dari lingkaran dalam sekiranya mereka menerima kebudayaan dan

---

pedagang-pedagang serta kuasa Barat, membenarkan mubaligh-mubaligh Barat menyebarkan agama mereka di China, menubuhkan kedutaan asing bertaraf penuh di Beijing, memberi hak wilayah-wilayah asing serta membolehkan mereka memperolehi hak konsesi di wilayah-wilayah China. Lihat Wang Tiewa (ed.), *Zhong Wai Jiu Yuezhang Huibian* (Chinese and Foreign Treaty Chapter of Assembly), Hong Kong: Sanlian shudian, 1957, hlm. 3-14. [王铁崖编，《中外旧约章汇编》，香港：三联书店。]

sistem politik *Zhongguo* itu sendiri. Sementara itu, penggunaan nama *Zhongguo* terbit lantaran topografi China yang memencilkannya dengan dunia luar sehingga China berkonsepsikan bahawa mereka adalah pusat segalanya bercambah dengan kebudayaan dan peradaban tinggi berbanding dengan negara-negara yang lain. Hal ini sedemikian kerana empat suku kaum asing yang mengelilinginya dilihat masih mundur dari segi kebudayaan dan ketamadunan. Maka, apabila sistem tributari berkembang, hubungan dengan negeri-negeri naungan berasaskan order normatif dengan penekanan kepada nilai-nilai moral, budaya dan adat istiadat mendominasi hubungan tersebut berbanding dengan norma-norma perundangan yang bercirikan pernyataan bertulis. Natiujahnya, pencanggahan konsep inilah yang mencetuskan konflik di antara China dengan pihak Barat sehingga berlakunya siri-siri peperangan di antara mereka.

## Rujukan

- A Rahman, H.I. (1985). Nationalisme China: Perkembangan, Kesan dan Corak, 1839-1950. in Suntharalingam & A Rahman (eds) *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, pp. 126
- Baojun. Y.L.(1998). *A Glance at Chinese Muslims*. Kuala Lumpur: Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad.
- Cheng, Z. (1964). *Chunqiu Jiangyi (Explanation Meaning of Spring Autumn)*, Hong Kong: Erhu chubanshe. [程兆熊, 《春秋讲义》, 香港: 鹅湖出版社。] Chiao, M.H. (1973). *Physical Geography*, in Yuan-li Wu, *China: A Hand Book* Devon: David & Charles Publishers, pp. 29-43.
- Christian, D. (2000), Silk Roads or Steppe Roads? The Silk Roads in World History, *Journal of World History*, 11 (1), 1-26. [[http://muse.jhu.edu/journals/journal\\_of\\_world\\_history/v011/11.1christian.html](http://muse.jhu.edu/journals/journal_of_world_history/v011/11.1christian.html)]
- Curtis W. D. (2001). *The History of China*. Westport: Greenwood Press.
- Debaine-Francfort, C. (1999). *The Search for Ancient China*. London: Thames & Hudson.
- Fairbank, J. K., Reischauer, E. O., & Craig, A. M. (1973). *East Asia: Tradition and Transformation*. London: Houghton Mifflin Company.
- Fairbank, J. K. (1974). *The Chinese World Order: Traditional China's Foreign Relations*, Cambridge: Harvard University Press.
- Feng, T. (1990). *Zhonghua Wenhua Shi (History of Chinese Culture)*. Shanghai: Shanghai renming chubanshe. [冯天瑜, 《中华文化史》, 上海: 上海人民出版社。]
- Fraser, M. F. A. (1900), Description Of The Empire Of China", *The China Review*, 24 (6), 280-288. [<http://sunzi.lib.hku.hk/hkjo/view/2600368.pdf>]
- Hanshu* (n.d.) [《汉书》。卷二十八上：地理志第八。] (History of Han Dynasty), Vol. 28: *De Li Zhi (Administrative Geography)*, No. 8.
- Hilton, P. B. (1967). *South-east Asia in World History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hsu, I.C.Y. (2000) *The Rise of Modern China*. Oxford: Oxford University Press.
- Hucker, C.O. (1964). Confucianism and the Chinese Censorial System, in Wright, M. F. (ed.) (1964). *Confucianism and Chinese Civilization*. California: Stanford
- Hui-Chen,W. L. (1964) An Analysis of Chinese Clan Rules: Confucian Theories in Action, Wright, M. F. (ed.) (1964). *Confucianism and Chinese Civilization*. California: Stanford
- Jiang, Y. (1990). *Zhongguo Minzu Shi (History of China Ethnology)*. Beijing: Minzu chubanshe. [江应梁, 《中国民族史》, 北京: 民族出版社。]
- Latourette, K. S. (1945). *The Chinese: Their History and Culture*, New York: Macmillan Publishers.

- Mancall, M. (1984). *China at the Center: 300 Years of Foreign Policy*. New York: Free Press.
- Matsumoto, M. (Ed.). (1791). *Wujing Tuhui* (Collection of Five Classic Diagram). Vol. 1. hlm. 44. [松本慎編纂，《五经图彙》。三卷三冊。卷一。]
- Murphey, R. (2001). *East Asia: A New History*, New York: Longman Publishers.
- Renmin Ribao* (People Daily), 2 Oktober 1949. [《人民日报》]
- Shiji (The Book of Odes)(n.d.).Vol. 27: Tian Guan Shu Di Wu (Book of Official Day). No. 5.[《史記》。卷二十七：天官书第五。]. Lie Zhuan (Groups of Biographies). Vol. 130: Tai Shi Gong Zi Xu Di Qi (Preface Duke of Taishi), No. 70.[《史記》。列傳。卷一百三十：太史公自序第七十。]
- Sigfried, J. (1996). *History of Humanity: From the Third Millennium to the Seventh Century B.C.* New York: Organization United Nations Educational, Science and Cultural Organization (Unesco).
- Tang, D. (Ed.). (1993). *Zhongguo Wenhua De Yuanliu* (Source and Course of Chinese Culture). Jinan: Shandong renming chubanshu. [唐得阳主编，《中国文化的源流》，济南：山东人民出版社。]
- Tian, S. (2002). *Zhenxiang: Mao Zedong Shishi 80 Wen* (The Truth of Moa Zedong 80 Historical Questions). Beijing: Zhongguo qingnian chubanshe. [田树德，真相：《毛泽东史实 80 问》，北京：中国青年出版社。]
- Vinacke. H. M. (1971). *A History of the Far East in Modern Times*. London: George Allen & Unwin Limited.
- Wang, E. (1982). *Zhongguo Jindai Si Xiangshi Lun* (History and Theory of Modern China). Taipei: Huashi chubanshe. [王尔敏，《中国近代思想史论》，台北：华世出版社。]
- Wang, T. (Ed.). (1957). *Zhong Wai Jiu Yuezhang Huibian* (Chinese and Foreign Treaty Chapter of Assembly). Hong Kong: Sanlian shudian. [王铁崖编，《中外旧约章汇编》，香港：三联书店。]
- Watson, W. (1961), *China: Before the Han Dynasty*, London: Thames and Hudson.
- Wright, M. C. (1958). What's in a Reign Name: The Uses of History and Philology. *Journal of Asian Studies*, 18 (1), 103-106.
- Wright, M. F. (ed.). (1964). *Confucianism and Chinese Civilization*. California: Stanford University Press.
- Xin, J. (1991). *Shijie De Zhongguo Guanjin Erqiannian Dui Zhongguo De Renshi Shigang* (World's Concept of China: A Historical Sketch about the World's Knowledge of China in the Recent 2000 Years). Shanghai: Xuelin chubanshe. [忻剑飞，《世界的中国观：近二千年世界對中国的认识史纲》，上海：学林出版社。]
- Yang, L. (1974). Historical Notes on the Chinese World Order, in Fairbank, J. K. (1974). *The Chinese World Order: Traditional China's Foreign Relations*, Cambridge: Harvard University Press.
- Zhouli (Rites of the Zhou)(n.d.). *Qiu Quan* (Ministry of Justice). *Daxing Ren* (Senior Messenger). [《周礼》。秋官。大行人。]

## Glosari Bahasa Cina

<i>dao</i>	道
<i>dayu</i>	道臺
<i>daorai</i>	大禹
<i>dianfu</i>	甸服
<i>fu</i>	府
<i>houfu</i>	侯服
<i>huangfu</i>	荒服
<i>huici zhongguo, yisui sifang</i> <i>huici jingshi, yisui siguo</i> <i>huaxia</i>	惠此中国，以綏四方， 惠此京師，以綏四国 华夏
<i>jiawu Zhangzheng</i>	甲午戰爭
<i>jingshi</i>	京師
<i>putian zhi xia, mofei wangtu,</i> <i>shuai shi zhibian, mofei wangchen</i>	普天之下，莫非王土， 率土之賓，莫非王臣
<i>qing-ri zhanzheng</i>	清日战争
<i>san zijing</i> <i>suifu</i>	三字经 綏服
<i>tianzi</i> <i>wangzhe, futian mude, wei tianzi ye</i>	天子 王者，父天母地，為天子也
<i>wanji</i> <i>wozhonghua, zaidongbei</i> <i>wufu</i> <i>xia</i>	王畿 我中华，在东北 五服 夏
<i>xiude</i>	修得
<i>xiuming</i>	修名
<i>xunfu</i>	巡撫
<i>yaofu</i>	要服
<i>yaofu zhegong, huangfu zhewang</i>	要服者贡，荒服者王
<i>yidi jinyu zhongguo, ze zhongguo zhi</i>	夷狄近于中国，则中国之
<i>yu gong</i> <i>zhifu</i>	知府 禹贡
<i>zhongguo</i> <i>zhonghua diguo</i>	中国 中华帝国
<i>zhonghua mingguo</i>	中华民国
<i>zhonghua renmin gongheguo</i>	中华人民共和国
<i>zongdu</i>	总都